

# KECENDERUNGAN PELAJAR UNTUK MEMILIH KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA BERBANDING MAKAN GAJI: KAJIAN KE ATAS PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TAWAU

## *STUDENTS' PREFERENCE FOR ENTREPRENEURSHIP OVER EMPLOYMENT: A STUDY OF KOLEJ KOMUNITI TAWAU STUDENTS*

Mustofa Kamal Achmad Rofi'ie<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Tawau, Kementerian Pendidikan Tinggi  
(E-mail: mustafa5113@yahoo.com)

### Article history

**Received date** : 4-7-2024  
**Revised date** : 5-7-2024  
**Accepted date** : 10-10-2024  
**Published date** : 15-10-2024

### To cite this document:

Rofi'ie, M. K. A. (2024). Kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya berbanding makan gaji: Kajian ke atas pelajar Kolej Komuniti Tawau. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (24), 138 - 144.

**Abstrak:** Banyak cabaran untuk menjadi usahawan yang berjaya bermula daripada idea, modal sehingga penetapan terhadap kepada kadar risiko berbanding dengan makan gaji. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya berbanding makan gaji. Sampel kajian adalah seramai 209 pelajar dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau. Teknik pensampelan yang digunakan adalah secara rawak. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik dengan 5-skala likat. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif untuk mendapatkan skor min bagi item kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai persepsi yang positif terhadap bekerja dengan majikan kerana menganggap pekerjaan makan gaji sebagai pilihan yang stabil. Namun begitu majoriti responden juga mempunyai kecenderungan untuk menceburi kerjaya dalam bidang keusahawanan. Kajian ini menyarankan agar lebih banyak sokongan dan pendedahan terhadap keusahawanan disediakan bagi meningkatkan keyakinan dan keupayaan pelajar untuk memulakan perniagaan sendiri.

**Kata kunci:** Pilihan Kerjaya, Bidang Keusahawanan, Makan Gaji

**Abstract:** There are many challenges to becoming a successful entrepreneur, starting from the idea, capital, and determining risk levels compared to working for a salary. Therefore, this study was conducted to identify the tendency of students to choose entrepreneurship as a career compared to salaried employment. The study sample consisted of 209 students from Tawau Community College. A random sampling technique was used. The research instrument was a questionnaire with a 5-point Likert scale. Descriptive analysis was used to obtain the mean scores for the study items. The results showed that the majority of respondents had a positive perception of working for an employer, considering salaried jobs to be a stable option. However, the majority of respondents also showed a tendency to pursue a career in

*entrepreneurship. This study recommends that more support and exposure to entrepreneurship be provided to boost students' confidence and ability to start their own businesses.*

**Keywords:** *Career Choice, Entrepreneurship, Salaried Employment*

## **Pengenalan**

Keusahawanan dan bekerja dengan majikan atau lebih dikenali sebagai “makan gaji” merupakan dua bidang kerjaya yang sangat berbeza. Keusahawanan melibatkan penubuhan dan menjalankan perniagaan atau perkhidmatan sendiri. Pendapatan yang diperoleh adalah hasil daripada keuntungan perniagaan. Usahawan akan menjalankan perniagaan mereka dan memikul tanggungjawab kewangan. Usahawan akan mengendalikan perbelanjaan dan membuat keputusan perniagaan yang mereka jalankan sendiri. Sementara itu, makan gaji merupakan pekerjaan berkadar setiap jam atau gaji. Mereka akan menyelesaikan tugas dan perkhidmatan khusus yang diberikan oleh majikan. Pekerja yang bekerja makan gaji di satu syarikat akan mendapat kadar gaji yang ditetapkan. Oleh yang demikian, pekerja perlu melakukan yang terbaik dan membantu syarikat untuk berjaya mendapat keuntungan. Secara umumnya, banyak cabaran untuk menjadi usahawan berbanding dengan bekerja dengan majikan.

Walaupun seseorang mempunyai idea keusahawanan atau perniagaan yang bernas, mereka perlu mempertimbangkan banyak aspek termasuklah risiko, kerugian dan lain-lain lagi. Keadaan ini menyebabkan motivasi untuk menjadi usahawan menurun. Namun begitu, bagi seseorang yang mempunyai jiwa untuk meneroka bidang baru dan suka kepada cabaran, kemungkinan mereka cenderung untuk memilih bidang keusahawanan. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan sebagai kerja berbanding dengan makan gaji. Kajian ini penting untuk merangka program keusahawanan yang lebih efektif bagi menggalakkan pelajar menceburkan diri dengan keusahawanan disebabkan persaingan pekerjaan pada masa kini sangat sengit, berbanding dengan peluang keusahawanan yang sangat luas untuk diteroka.

## **Sorotan Kajian**

Banyak kajian telah membincangkan hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian (Christoper, 2023; Yamin 2023) Membuat keputusan laluan kerjaya boleh menjadi salah satu pilihan paling penting dalam kehidupan seseorang. Kerjaya yang dipilih bukan sahaja berjaya, tetapi juga perlu minat untuk dilakukan sebab akan mempengaruhi semua aspek kehidupan dengan cara yang positif (Rajshekhar, 2020). Menjadi seorang usahawan bukanlah sesuai untuk semua orang; begitu juga dengan menjadi pekerja atau makan gaji. Banyak kajian menjelaskan terdapat kebaikan dan keburukan (Sampedro et al., 2014; Maalaoui et al., 2020; Martinez, 2020) pada setiap pihak yang mempengaruhi tahap tekanan seseorang, keseimbangan kerja, kehidupan, dan kepuasan peribadi. Banyak kajian dijalankan untuk menilai persepsi pelajar mengenai keusahawanan. Dapatan kajian Veciana et al. (2005) mendedahkan bahawa pelajar mempunyai imej usahawan yang positif, namun bagi persepsi kebolehlaksanaan adalah tidak begitu positif dan hanya peratusan kecil yang mempunyai niat kukuh untuk mewujudkan syarikat baharu. Selain itu, kajian oleh Rao dan Rahman menekankan bahawa kemahiran keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar juga berperanan penting dalam membentuk niat mereka untuk menjadi usahawan (Rao & Rahman, 2022). Dalam hal ini, pelajar yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi tentang keusahawanan lebih cenderung untuk mengambil risiko dan memulakan perniagaan sendiri berbanding bekerja dengan majikan.

Kajian yang pernah dijalankan sebelum ini seperti Hashim et al. (2009), mendapati ramai pelajar mempunyai mentaliti untuk bekerja makan gaji. Disebabkan itu, bidang keusahawanan perlu diberi penekanan kepada mahasiswa untuk menghakis budaya makan gaji (Ramli & Seman, 2020). Pelajar masih mempunyai persepsi bahawa bidang keusahawanan adalah bidang yang berisiko (Aziz et al., 2018; Mohd Yusoff & Abdullah, 2021). Antara faktor yang menghalang menceburi bidang usahawan adalah kerana kekurangan dana seperti untuk membuka premis (Nawang & Mamat, 2019), kekurangan sokongan daripada keluarga ahli keluarga (Romli & Ghani, 2017), kurang pengetahuan tentang perniagaan (Talib et al., 2017) dan kekurangan bimbingan yang betul (Romli & Ghani, 2017).

### Metodologi

Sampel kajian yang digunakan adalah pelajar Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Seramai 189 pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik *Google Form* yang diedarkan secara dalam talian. Teknik pensampelan adalah secara rawak supaya setiap pelajar mempunyai peluang untuk menyertai kajian ini. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min. Untuk menilai kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan, nilai min yang diperoleh akan diterjemah kepada empat kategori bermula dari lemah ke tinggi. Penentuan tahap berdasarkan skor min adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dipetik dalam kajian Ngadiman et al. (2019).

**Jadual 1: Tafsiran Skor Min**

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

### Hasil Kajian

#### Latar Belakang Responden

Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Latar Belakang Responden**

Demografi		n	%
Jantina	Lelaki	119	63.0
	Perempuan	70	37.0
Program	Sijil Kulinari	44	23.3
	Sijil Servis Kenderaan Ringan	38	20.1
	Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian	45	23.8
	Sijil Teknologi Elektrik	62	32.8
Semester	1.00	19	10.1
	2.00	63	33.3
	3.00	48	25.4
	4.00	59	31.2
HPNM	1.00 - 2.00	1	.5
	1.00 ke bawah	1	.5
	2.00 - 2.99	13	6.9
	3.00 - 3.33	32	16.9

	3.43 - 3.67	70	37.0
	3.68 - 4.00	51	27.0
	Semester 1 (Tiada HPNM)	21	11.1
Pendapatan Ibu Bapa	RM4360 - RM9619	12	6.3
	RM4360 dan ke bawah	175	92.6
	RM9619 dan ke atas	2	1.1

Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Data menunjukkan bahawa majoriti pelajar adalah daripada pelajar lelaki (63%), manakala perempuan hanya 37%. Dalam aspek program, majoriti pelajar adalah daripada program Sijil Teknologi Elektrik (32.8%), diikuti oleh Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (23.8%), Sijil Kulinari (23.3%), dan Sijil Servis Kenderaan Ringan (20.1%). Dalam penilaian HPNM, 37% pelajar berada dalam julat 3.43 - 3.67, menunjukkan prestasi yang baik. Manakala dari segi pendapatan ibu bapa, majoriti pelajar berasal dari keluarga dengan pendapatan RM4360 dan ke bawah (92.6%).

### Hasil Analisis Kajian

Hasil analisis kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, dibahagikan kepada dua iaitu:

- A. Persepsi Terhadap Makan Gaji
- B. Tahap Kecenderungan Untuk Menjadi Usahawan

**Jadual 3: Persepsi Terhadap Makan Gaji & Kecenderungan Terhadap Kerjaya Usahawan**

Item Kajian	Sisihan Piawai	Skor Min	Tahap
<b>A. Persepsi Terhadap Makan Gaji</b>			
Masa bekerja adalah tetap	0.92	3.72	Sederhana
Pendapatan tetap setiap bulan	0.93	3.67	Sederhana
Pendapatan akan meningkat setiap tahun	0.98	3.59	Sederhana
Mempunyai cuti tahunan	0.97	3.83	Sederhana
Mudah merancang aktiviti tahunan dengan keluarga	0.99	3.62	Sederhana
Mudah untuk mendapat pinjaman bank disebabkan adanya pendapatan tetap	1.04	3.38	Sederhana
Pendapatan yang stabil	1.00	3.56	Sederhana
Mudah merancang perbelanjaan	0.94	3.68	Sederhana
Kerja akan menjadi mudah kerana membuat pekerjaan yang sama	0.90	3.68	Sederhana
Risiko rendah berbanding usahawan	0.97	3.52	Sederhana
Purata		3.63	Sederhana
<b>B. Tahap Kecenderungan Untuk Menjadi Makan Gaji Berbanding Usahawan</b>			
Saya lebih suka makan gaji dari memulakan perniagaan suatu masa nanti.	1.09	2.63	Rendah
Pada masa hadapan, jika ditawarkan gaji yang tinggi, saya akan memilih makan gaji berbanding usahawan	1.13	2.90	Rendah

Saya ingin makan gaji kerana tidak ingin menyusahkan diri sendiri untuk memulakan perniagaan	1.07	2.66	Rendah
Saya rasa saya tidak akan berjaya dalam perniagaan sendiri	1.05	2.56	Rendah
Saya rasa saya tidak mampu memberikan banyak tenaga dan komitmen untuk memulakan perniagaan	0.97	2.74	Rendah
Saya tidak mempunyai cukup pengetahuan untuk memulakan perniagaan	1.01	3.00	Rendah
Saya tidak mempunyai keyakinan diri untuk memulakan perniagaan	1.04	2.85	Rendah
Saya rasa saya tidak akan mempunyai masa yang sesuai untuk memulakan perniagaan	0.95	2.83	Rendah
Menubuhkan perniagaan membawa banyak kebimbangan kepada anda	0.98	3.01	Rendah
Saya rasa dalam keadaan situasi sekarang, orang yang makan gaji lebih stabil dari usahawan.	1.02	2.85	Rendah
Saya langsung tidak berminat dengan idea untuk memulakan perniagaan	1.03	2.50	Rendah
Purata		2.78	Rendah

Berdasarkan kepada dapatan bagi persepsi terhadap makan gaji, majoriti pelajar mempunyai persepsi yang sederhana terhadap bekerja dengan syarikat (makan gaji). Ini menunjukkan bahawa sebahagian responden tidak cenderung untuk memilih makan gaji sebagai kerja. Manakala untuk dapatan bagi tahap kecenderungan untuk makan gaji berbanding menceburkan diri dalam keusahawanan, dapatan kajian menunjukkan tahap rendah. Ini menunjukkan tahap kecenderungan untuk menceburkan diri dalam keusahawanan adalah tinggi. Persepsi atau sikap keusahawanan merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan. Selari dengan kajian oleh Ling et al. (2022) yang menunjukkan bahawa sikap positif terhadap keusahawanan dapat meningkatkan hasrat pelajar untuk menceburi bidang ini. Secara keseluruhannya, kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya berbanding pekerjaan makan gaji dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk sikap, kemahiran, pendedahan kepada program keusahawanan, dan sokongan persekitaran. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk terus memperkasakan pendidikan keusahawanan dan menyediakan sokongan yang diperlukan bagi meningkatkan kecenderungan pelajar dalam bidang ini.

### Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk memahami kecenderungan pelajar Kolej Komuniti Tawau dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya berbanding bekerja makan gaji. Dalam konteks pasaran kerja yang semakin kompetitif, memahami kecenderungan ini adalah penting untuk merancang strategi pendidikan yang relevan. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi yang sederhana terhadap bekerja makan gaji, dengan skor min 3.63. Ini menunjukkan mereka tidak terlalu cenderung untuk memilih makan gaji sebagai satu-satunya pilihan kerjaya. Sebaliknya, tahap kecenderungan untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya adalah tinggi. Penemuan penting dari kajian ini adalah bahawa walaupun pelajar mempunyai persepsi yang sederhana terhadap kestabilan dan kemudahan yang ditawarkan oleh kerja makan gaji, mereka menunjukkan kecenderungan yang lebih rendah untuk memilih makan gaji sebagai kerjaya berbanding keusahawanan. Ini mungkin menunjukkan minat yang tinggi dalam keusahawanan tetapi disertai oleh kebimbangan dan kekurangan keyakinan diri

dalam memulakan perniagaan sendiri. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat potensi besar dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau untuk menceburkan diri dalam keusahawanan. Oleh itu, adalah penting bagi pihak berkuasa pendidikan dan kerajaan untuk menyediakan sokongan yang lebih kuat, seperti latihan dan program bimbingan, untuk membantu pelajar mengatasi kebimbangan mereka dan membina keyakinan dalam bidang keusahawanan. Cadangan penambahbaikan termasuk meningkatkan pendedahan pelajar kepada pendidikan keusahawanan yang lebih praktikal dan menyediakan platform untuk mereka mendapatkan pengalaman langsung dalam perniagaan. Program seperti inkubator perniagaan, mentor-mentee dengan usahawan berjaya, dan seminar yang membincangkan kejayaan serta cabaran dalam keusahawanan boleh membantu meningkatkan keyakinan dan pengetahuan pelajar. Dengan pendekatan yang lebih holistik, potensi pelajar untuk berjaya sebagai usahawan dapat dimaksimumkan.

### Rujukan

- Aziz, N. E. M., Harun, N., Esa, M. M., Yaacob, M. R., & Rahman, A. A. A. (2018). Pendidikan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melahirkan usahawan berjaya di Malaysia. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 73.
- Christoper, C. S. (2023, November). Kecenderungan Belia Bumiputera Malaysia: Berniaga atau Makan Gaji. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 14, pp. 159-164).
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- Ling, L. S., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345.
- Maalaoui, A., Ratten, V., Heilbrunn, S., Brannback, M., & Kraus, S. (2020). Disadvantage entrepreneurship: Decoding a new area of research. *European Management Review*, 17(3), 663-668.
- Martinez Dy, A. (2020). Not all entrepreneurship is created equal: Theorising entrepreneurial disadvantage through social positionality. *European Management Review*, 17(3), 687-699.
- Mohd Yusoff, M. S., & bin Abdullah, N. A. (2021). Pengaruh pengalaman keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 13, 1-23.
- Nawang, W. M., & Mamat, I. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika*, 89(2), 50-63.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Rajshekhar, B. (2020). Employment versus Entrepreneurship: Choosing the Right Path. *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)*. Volume 8, Issue 7.
- Ramli, N. J., & Seman, N. A. A. (2020). Kajian Mengenai Niat Keusahawanan Mengikut Teori Tingkah Laku Terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984-998.
- Rao, N. H. C. and Rahman, R. A. (2022). Pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001909.
- Romli, L., & Ghani, N. A. (2017). Strategi Inovatif Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Usahawan Wanita Terengganu. *CIVILIZATION*, 7, 8.

- Sampedro, I. R., Fernández-Laviada, A., & Herrero Crespo, A. (2014). Entrepreneurial intention: perceived advantages and disadvantages. *Academia Revista Latinoamericana de Administración*, 27(2), 284-315.
- Talib, A., Yusof, M. N., Zan, Z. M., & Ngah, K. (2017). e-Bisnis, Pemangkin Penyertaan Kaum Wanita dalam Keusahawanan Luar Bandar: e-Business, The Catalyst for Women Involvement in Rural Entrepreneurship. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*, 9(1), 54-66.
- Yamin, N. A. (2023). *Model peramal hubungan antara persekitaran pembelajaran dan kompetensi kerjaya dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn (Malaysia)).